

Kerusi

Tun Razak

promosi

Pengajian

Malaysia

BH - 22/11/2005

TANPA disedari, Kerusi Tun Razak di Universiti Ohio Athens, Amerika Syarikat (AS), sudah berusia 25 tahun sejak ditubuhkan pada 1980. Ini bermakna sudah suku abad profesor negara ini melalui kepakaran mereka mengembangkan ilmu berkaitan Malaysia dan mempromosi negara kita di AS.

Kerusi itu diwujudkan oleh kerajaan sebagai mengingati sumbangan besar bekas Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, kepada pembangunan negara.

Penubuhannya adalah satu usaha menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan antara Kerajaan Malaysia dengan AS. Kerusi itu dibiayai tiga pihak iaitu Kerajaan Malaysia, Universiti Ohio dan syarikat AS yang beroperasi di Malaysia.

Setakat ini, 12 tokoh akademik dilantik menduduki kerusi itu dengan yang pertama Prof Dr Syed Muhammed Naquib al-Attas pada 1981 hingga 1983 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), diikuti Prof Emeritus Datuk Dr Fatimah Hamid Don (1983-1985) dari Universiti Malaya (UM).

Selepas itu, Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid (1985-1987) dari UKM; Prof Dr Abdullah Hassan (1987-1989) dari Universiti Sains Malaysia (USM); Prof Emeritus Datuk Abu Bakar Hamid (1989-1991) dari UM dan Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Sham Sani (1991-1993) dari UKM.

Tokoh lain ialah Prof Datuk Dr Ahmad Mahdzan Ayob (1993-1995) dari Universiti Putra Malaysia (UPM); Prof Dr Mohammed Yusoff (1995-1997) dari UPM; Prof Dr Mohamed Sulaiman (1997-2000) dari USM; Prof Datuk Dr Zakaria Ahmad (2000-2003) dari UKM dan Prof Dr Abdul Kadir Din (2003-2005) dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Terbaru, bekas Ketua Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS), UM, Prof Datuk Mohamad Abu Bakar dilantik menduduki kerusi itu untuk tempoh dua tahun bermula Ogos lalu.

Penubuhan Kerusi Tun Razak adalah usaha menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan antara Kerajaan Malaysia dengan AS. Kerusi itu dibiayai tiga pihak iaitu Kerajaan Malaysia, Universiti Ohio dan syarikat AS yang beroperasi di Malaysia

Beliau menerima surat pelantikan itu daripada Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh baru-baru ini.

Sepanjang perkhidmatannya selama 30 tahun di UM, Prof Mohamad pernah dilantik sebagai Timbalan Dekan FSSS dan Penyelaras Program Pengajian Antarabangsa.

Bidang penyelidikannya meliputi politik Melayu, institusi pondok, dasar luar Malaysia, Islam kontemporari dan globalisasi. Beliau sudah membentangkan lebih 300 kertas kerja di dalam dan luar negara serta menghasilkan lebih 150 penerbitan, termasuk dalam tiga ensiklopedia. Ada di antara penulisannya diterjemahkan ke bahasa Jepun, Tagalog, Indonesia dan Sepanyol.

Beliau pernah menerima anugerah Komanwel di Universiti Lancaster, England dan mewakili Asean di Maastricht Institute of Public Administration, Belanda.

Prof Mohamad juga pernah dilantik sebagai sarjana pelawat 'Fulbright' di Universiti Washington, AS; Profesor Pelawat di Universiti Nasional La Plata, Argentina; Felo di Oxford Centre for Islamic Studies, England; Pensyarah Pengajian Malaysia di Universiti Kaherah, Mesir dan Felo Pelawat bagi Pengajian Asia di Universiti Victoria, Wellington, New Zealand.

Penyelaras Majlis Kerusi Tun Razak, Prof Emeritus Datuk Abu Bakar Hamid, berkata penyandang kerusi itu ditempatkan di Center for International Studies, Universiti Ohio dengan tugas utama mengajar dan membuat penyelidikan mengenai Malaysia.

Selain itu, mereka juga ditugaskan memberi maklumat dan nasihat kepada pelajar Malaysia di sana dan pelajar lain yang berminat mengenai negara ini, selain dianggap sebagai wakil khas akademik oleh pihak AS serta diberi peruntukan untuk melawat dan memberi ceramah di seluruh negara itu.

Penubuhan Kerusi Tun Razak adalah cara mempromosi dan mengembangkan Pengajian Malaysia melalui akademik supaya masyarakat pelajar dan ahli akademik luar negara dapat mengenali negara ini dengan lebih dekat.